

Penerapan Pantun dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Fauziah Muhamad Fadzillah

fauziah_muhd_fadzillah@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Fengshan

Abstrak

Komponen pantun dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu telah pun dimasukkan dalam bahan Pakej MEKAR dan CEKAP. Lazimnya, bahan pantun tersebut digunakan untuk mengajar membaca pantun. Oleh itu, kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk meningkatkan pemahaman murid mengenai ciri, jenis-jenis pantun dan cara menulis pantun. Kaedah pengajaran secara eksplisit telah digunakan bagi tujuan kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada 11 orang murid Darjah 5 kelas Bahasa Melayu yang berada dalam tahap praaras keupayaan. Dapatan kajian menunjukkan 90% murid mengatakan mereka boleh mengenal ciri pantun, 100% memberikan respons mereka dapat mengenal pasti tiga jenis pantun yang diajarkan dan hanya 64% mengatakan mereka boleh mengarang pantun teka-teki. Dapatan ini menunjukkan guru boleh mendedahkan aspek lain tentang pantun selain daripada membaca pantun. Namun, murid perlu diberikan pendedahan yang mencukupi untuk menulis pantun. Melalui pengajaran pantun yang lebih berstruktur, guru dapat memberi kesedaran tentang keindahan dan nilai murni yang terkandung dalam pantun.

Kata Kunci: pantun, nilai, menulis, eksplisit



PENGENALAN

Pantun ialah sebuah karya sastera lisan yang dikenali dan digunakan oleh masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Dahulunya, pantun digunakan secara meluas sebagai sebuah alat komunikasi untuk menyampaikan sesuatu idea atau maksud dalam bentuk kiasan atau sindiran. Tidak keterlaluan juga jika dikatakan bahawa penggunaan pantun meliputi pelbagai jurusan aktiviti kehidupan masyarakat. Menurut Henri Fauconnier dalam buku *250 Pantouns Le Tresor Malais/Khazanah Melayu 250 Pantun* oleh Georges Voisset (2015), semua orang Melayu boleh melafazkan pantun secara spontan dalam jumlah yang banyak dan sentiasa mencipta yang baharu.

Pantun memiliki fungsi yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat Melayu. Pantun menjadi wadah dalam masyarakat Melayu bagi menyampaikan nasihat, sindiran, gurauan atau luahan perasaan. Oleh sebab pantun mempunyai ciri yang khas, iaitu terdapat pembayang maksud dan maksud, pantun juga berperanan sebagai pengukur kepandaian. Menurut Ismail Kusyamadi (2006) seseorang yang bijak menggunakan bahasa kias yang terkandung dalam pantun boleh dikatakan orang itu orang yang bijak.

Pada zaman ini, pantun masih kekal relevan dan dipelajari oleh murid-murid di sekolah di Singapura. Djamal Tukiman (2011) menjelaskan bahawa ‘... pantun Melayu yang telah melampaui usia cukup tua dan bersifat asli juga murni tetap dituturkan, dilisankan dan dihazanahkan oleh masyarakat Melayu sampai hari ini dari berbagai-bagai etnik terutama dunia Melayu pascamoden. Dengan kesedaran bahawa pantun merupakan satu khazanah yang sangat bernilai dalam dunia masyarakat Melayu, komponen pantun telah pun dimasukkan dalam bahan pengajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah dalam Pakej MEKAR dan CEKAP. Lazimnya bahan pantun tersebut digunakan untuk mengajar membaca pantun.

Berikutan daripada itu, kertas kajian ini akan membincangkan bagaimana guru boleh meluaskan skop pengajaran pantun agar murid dapat mengetahui aspek lain tentang pantun selain boleh membaca pantun. Di samping itu, guru juga dapat memberi kesedaran tentang keindahan dan nilai murni yang terkandung dalam pantun.



TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan pemahaman murid tentang jenis-jenis pantun;
2. mengasah kemahiran menulis pantun; dan
3. menyemai nilai-nilai murni yang terdapat dalam pantun.

PERNYATAAN MASALAH

Salah satu objektif pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah adalah agar murid mengenali dan memahami budaya dan nilai-nilai murni masyarakat Melayu. Identiti orang Melayu yang kaya dengan warisan budaya harus dikekalkan supaya budaya masyarakat Melayu tetap relevan dalam konteks Singapura sebagai sebuah negara yang berbilang kaum.

Bersandarkan pemikiran tersebut, guru-guru menghadapi cabaran untuk menggunakan aspek sastera, khususnya pantun sebagai bahan pengajaran yang membolehkan murid memahami budaya dan nilai murni masyarakat Melayu dengan lebih mendalam. Salah satu falsafah pengajaran sastera ialah mewujudkan insan seimbang dan harmoni daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Naffi Mat (2006) merumuskan bahawa komponen sastera yang diajar secara formal dalam bilik darjah dapat membantu melahirkan golongan masyarakat berilmu, berketerampilan dan berakhlak mulia.

KAJIAN LEPAS

Penyerapan pantun dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu murid dalam aspek kemahiran berbahasa yang melibatkan penulisan. Penggunaan bahasa sastera dapat membantu meningkatkan proses belajar dan mengajar Bahasa Melayu. Antara kemahiran asas yang diberi penekanan dalam Bahasa Melayu adalah seperti kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis yang memerlukan penghayatan dan pengukuhan bahan sastera. Oleh itu, penggunaan bahan sastera perlu sesuai dan menarik dalam pendidikan Bahasa Melayu kerana hal ini akan membuka ruang kepada murid untuk memahami bahan sastera dengan lebih baik. Naffi Mat



(2006) menekankan bahawa proses tersebut bermula daripada pengalaman sendiri dan meneroka pengalaman luar hidupnya melalui hubungan dengan masyarakat dan budayanya

Kebijaksanaan seseorang guru bahasa memimpin para pelajar menghurai pembayang maksud dan maksud pantun misalnya dalam pantun jenaka membolehkan murid menyedari bahawa sejak zaman silam lagi orang Melayu sudah bijak mengajar anak-anak mereka dengan ilmu yang berguna melalui perantaraan humor; ringan tetapi meninggalkan kesan yang lama (Abdul Ghani, Abd. Rahman, Abdul Rashid, 2007).

Menurut Razali Haji Yu (2007) dalam kertas kajiannya 'Teknik Mudah Mengajar Pantun', para pendidik sering menghadapi cabaran untuk mengajar pantun terutamanya kepada pelajar yang bukan Melayu. Menurutnyalagi pelajar tidak dapat mengarang pantun kerana mereka tidak ada fokus lebih-lebih lagi jika diminta berbalas pantun. Oleh itu, Razali Haji Yu telah menyarankan pelajar perlu dilatih untuk fokus dan membimbing mereka membina kosa kata dan menggunakan ayat mudah bagi membiasakan mereka memahami penulisan pantun

KAEDAH KAJIAN

Bagi menerapkan pantun dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, terlebih dahulu pemilihan jenis-jenis pantun yang ingin diperkenalkan kepada murid, iaitu pantun kanak-kanak, pantun nasihat dan pantun teka-teki dilakukan lebih awal. Seterusnya, guru harus bijak menggunakan contoh pantun yang sesuai agar murid dapat melihat kaitan ciri-ciri pantun yang ingin diajar dengan contoh yang diberikan. Oleh itu, pantun yang disediakan oleh guru harus mudah dan dekat dengan jiwa murid.

Bagi mencapai objektif pengajaran, kaedah pengajaran secara eksplisit digunakan sebagai panduan ketika melakar rancangan pengajaran. Kaedah pengajaran secara eksplisit terdiri daripada lima peringkat, iaitu peringkat pengenalan, penerangan, *modeling*, latihan dan penutup. Selain itu, kajian ini juga menggunakan strategi pembelajaran koperatif agar aktiviti yang dijalankan lebih interaktif dan menepati tahap murid yang pelbagai kecerdasan bersandarkan teori kecerdasan pelbagai Howard Gardner.



Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Darjah 5 Bahasa Melayu yang berada tahap praaras keupayaan. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah 11 orang. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk memberikan pendedahan kepada murid kumpulan ini pada salah satu hasil sastera Melayu. Pengajaran pantun ini dijadikan sebuah bahan untuk meningkatkan keupayaan murid menulis pantun serta memahami dengan lebih mendalam nilai-nilai positif yang ada dalam pantun.

Instrumen Kajian

Murid akan dinilai dari segi penulisan, pemilihan kata serta persembahan. Pemerhatian guru terhadap sikap dan penerimaan murid juga diambil kira dalam kajian ini. Selain itu, tugas dalam bentuk kumpulan yang diberikan dapat membantu murid untuk saling bekerjasama dalam mencipta pantun yang bersesuaian dengan tema yang diberikan.

Untuk mencapai tujuan ini, borang refleksi digunakan agar guru dapat memantau dan mengenal pasti kelakonan murid. Maklum balas yang dikumpulkan boleh digunakan oleh guru sebagai bahan rujukan untuk mengubah suai rancangan pengajaran demi mencapai objektif pengajaran.

Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan selama tiga hari dan mengambil masa lebih kurang tiga jam. Terdapat dua pengajaran yang dijalankan dalam kelas. Bagi pelajaran yang pertama, murid dikenalkan dengan jenis dan bentuk pantun. Murid juga membina kosa kata mengenai kata kerja. Bagi menjadikan pelajaran ini menyeronokkan guru menggunakan bahan pengajaran seperti papan putih dan kad perkataan. Aktiviti ini dijalankan dalam bentuk permainan. Seterusnya, bagi pelajaran yang kedua, murid dibimbing menulis pantun teka-teki dengan menggunakan kata kerja yang sesuai. Bagi memastikan murid dapat menghayati pantun yang dihasilkan, mereka dikehendaki membaca pantun dengan intonasi dan sebutan yang betul. Seterusnya, murid membuat penilaian aspek penghayatan, murid akan membacakan pantun yang



dihasilkan. Berdasarkan penilaian sendiri, analisis akan dilakukan bagi melihat keberkesanan pengajaran pantun yang lebih berstruktur ini.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan, berdasarkan pemantauan guru dan respons murid, didapati murid berasa seronok mempelajari pantun secara berkumpulan. Selain itu, murid juga dapat mengingat nilai positif yang terdapat dapat pantun, contohnya bergotong-royong kerana mereka berpeluang mengaplikasikan nilai tersebut ketika membuat tugas secara berkumpulan.


Berdasarkan borang refleksi dan pantun yang dicipta oleh murid pula, guru berupaya menilai kreativiti dan kebolehan murid dalam menulis pantun. Dapatan menunjukkan 91% murid mengatakan mereka boleh mengenal ciri pantun, 100% murid dapat mengenal pasti tiga jenis pantun yang diajarkan dan hanya 40% murid mengatakan mereka boleh mengarang pantun teka-teki. Rujuk Jadual dan Rajah 1 di bawah ini.

Jadual 1: Respons Murid

| No | Item | Sangat Boleh/Boleh % | Masih Mencuba % |
|----|--|----------------------|-----------------|
| 1 | Ciri pantun | 91 (10) | 9 (1) |
| 2 | Mengenal tiga jenis pantun Pantun teka-teki Pantun kanak-kanak Pantun nasihat | 100 (11) | - |
| 3 | Mengarang pantun teka-teki | 40 (4) | 60 (6) |



Rajah 1: Respons Murid



Dapatan ini menunjukkan guru boleh mendedahkan aspek lain tentang pantun selain membaca pantun. Namun, murid perlu diberikan pendedahan yang mencukupi untuk menulis pantun. Melalui pengajaran pantun, guru juga dapat memberi kesedaran tentang keindahan dan nilai murni yang terkandung dalam pantun.

KESIMPULAN

Penerapan pantun dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah secara mendalam boleh membantu murid-murid agar peka terhadap warisan dan khazanah orang Melayu.

Guru harus lebih berani membuat aktiviti-aktiviti yang dapat merangsang kemahiran berfikir murid agar pengajaran pantun mampu melangkaui aspek lebih jauh selain setakat membaca pantun.

Sejajar dengan objektif pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah untuk menghasilkan murid yang mengenali dan memahami budaya dan nilai-nilai murni masyarakat Melayu, guru harus menerapkan pantun dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu agar puisi tradisional ini kekal relevan, diminati dan dihargai oleh anak-anak muda Melayu di Singapura.



RUJUKAN

- Abdul Ghani Abdullah, Abd. Rahman Abd. Aziz, Abdul Rashid Mohamed (2007). *Humour dalam Pengajaran*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Djamal Tukimin (2011). *Pantun Dalam Sejarah Perkembangan Pemikiran Melayu di Singapura Moden*. Kuala Lumpur :Institut Alam dan Tamadun Melayu
- George Voisset (2015). *250 Pantouns Le Tresor Malais / Khazanah Melayu 250 Pantun*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Ismail Kusmayadi (2006). *Think Smart Bahasa Indonesia*. Jakarta: Grafindo
- Naffi Mat (2006). *Teknik mengajar KOMSAS komponen sastera*. Kuala Lumpur: PTS Profesional
- Razali Hai Yu (2007). "Teknik Mudah Mengajar Pantun". Seminar Penyelidikan Institut Perguruan Batu Lintang.

